INDEKS: PERIBAHASA

DUA TEKNIK

a) Teknik cerita- menjelaskan maksud peribahasa
- seperti menulis karangan cereka (cerita rekaan)

b) Teknik huraian- menjelaskan maksud peribahasa, sejarah kewujudan dan kaitan dengan masyarakat.

PERIBAHASA : Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga

Budin seorang budak yang nakal. Dia suka _____ murid-murid yang lain selain sikapnya yang kasar dan _____. Budin juga selalu _____ sekolah. Walaupun dia kerap ditegur oleh gurunya, namun teguran itu tidak diendahkannya.

Budin mempunyai tiga orang _____ yang nakal sepertinya iaitu Rashid, Balan dan Sidek. Mereka menganggap Budin sebagai seorang yang _____ kerana dia pernah mencuri barang-barang peniaga pasar malam. Mereka sering menjadikan Tok Din, seorang lelaki tua penjual buah-buahan sebagai _____. Kawan-kawan Budin akan _____ terlanggar buah-buahan Tok Din. Apabila Tok Din sibuk _____ buah-buahan yang jatuh, Budin akan mencuri wang di dalam _____ Tok Din tanpa _____ oleh lelaki tua itu.

Pada suatu hari, ketika mereka _____ melakukan perkara yang sama, seorang lelaki _____ perbuatan mereka. Lelaki itu memekik lalu _____ leher Budin. Budin tidak sempat _____ diri lalu ditangkap oleh lelaki tersebut. Lelaki itu kemudian membawa Budin ke _____. Rashid, Balan dan Sidek turut _____ oleh pihak polis kerana _____ dengan Budin.

Walaupun seseorang itu sangat _____ ketika melakukan pebuatan jahat, lama-kelamaan perbuatan itu akan _____ juga kerana 'sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.' Begitulah juga yang berlaku kepada Budin dan kawan-kawannya.